

PSLE MALAY (0006)

For Examination from 2017

1 OBJEKTIF PENILAIAN

Peperiksaan Bahasa Melayu Peringkat PSLE bertujuan untuk mengukur tahap pencapaian dan kecekapan calon dalam bidang bahasa berdasarkan objektif Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah 2008, Kementerian Pendidikan.

Peperiksaan Bahasa Melayu bertujuan untuk menilai keupayaan calon:

- (a) mendengar pelbagai perbualan atau teks lisan dan menunjukkan pemahaman terhadap bahan yang didengar;
- (b) mengenal pasti idea utama, mengingat kembali butir-butir utama dan mentafsir maksud yang tersirat dalam teks lisan;
- (c) membaca lantang petikan karangan dengan lancar, menggunakan sebutan yang betul dan artikulasi yang jelas serta ekspresi yang sesuai dengan menggunakan sebutan baku;
- (d) menerangkan atau mentafsir idea utama dengan jelas berdasarkan rangsangan (misalnya, klip video atau topik) dan memberikan pendapat secara koheren dan sesuai apabila berinteraksi dengan pemeriksa;
- (e) berinteraksi secara lisan dengan fasih dan jelas dengan menggunakan sebutan baku untuk pelbagai tujuan, khalayak dan situasi;
- (f) membaca dan memberikan respons terhadap pelbagai teks yang sesuai dengan peringkat serta berupaya untuk:
 - membuat kesimpulan tentang makna perkataan berdasarkan panduan dalam konteks
 - mengenal pasti maklumat khusus dan idea utama dalam teks
 - membuat perbandingan dan mengklasifikasikan maklumat dalam teks;
- (g) menggunakan peribahasa dalam konteks yang sesuai;
- (h) menggunakan imbuhan, struktur leksikal dan sintaks dalam konteks yang diberikan;
- (i) menulis karangan naratif pendek yang padat kandungan berdasarkan gambar atau keperluan lain dengan jumlah perkataan tidak kurang daripada 150 patah, serta mampu melahirkan perasaan; dan
- (j) berinteraksi melalui penulisan dengan jelas dan berkesan untuk pelbagai tujuan, khalayak dan situasi.

2 FORMAT PEPERIKSAAN

Format peperiksaan bagi Bahasa Melayu Peringkat PSLE terbahagi kepada:

Kertas 1: Karangan

Kertas 2: Penggunaan Bahasa dan Kefahaman

Kertas 3: Lisan dan Kefahaman Mendengar

Kertas 1: Karangan - 40 markah (20%)

50 minit

Kertas 1 mengandungi dua soalan. Calon dikehendaki menjawab satu daripada dua soalan yang dikemukakan dengan menggunakan sekurang-kurangnya 150 patah perkataan. Bagi soalan pertama, calon dikehendaki menulis karangan berdasarkan topik yang diberikan. Bagi soalan kedua, calon dikehendaki menulis karangan berdasarkan gambar bersiri yang diberikan. Masa yang diperuntukkan ialah 50 minit. Kamus yang diluluskan boleh digunakan.

Kertas 2: Penggunaan Bahasa dan Kefahaman - 90 markah (45%)

1 jam 40 minit

Kertas 2 mengandungi empat bahagian; Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C dan Bahagian D. Bahagian A dan Bahagian B terkandung di dalam Buku A. Bahagian C dan Bahagian D pula terkandung di dalam Buku B. Calon dikehendaki menjawab semua soalan. Masa yang diperuntukkan ialah 1 jam 40 minit.

▪ **Bahagian A: Penggunaan Bahasa (MCQ) - 40 markah (20%)**

- Imbuan – 20 markah (10%)
Bahagian ini mengandungi 10 soalan. Calon dikehendaki memilih perkataan yang diimbuhkan dengan tepat.
- Peribahasa – 10 markah (5%)
Bahagian ini mengandungi 5 soalan. Calon dikehendaki memilih peribahasa yang tepat berdasarkan konteks yang diberikan.
- Golongan Kata – 10 markah (5%)
Bahagian ini mengandungi 5 soalan tatabahasa berbentuk melengkapkan teks. Calon dikehendaki memilih perkataan yang tepat berdasarkan teks yang diberikan.

▪ **Bahagian B: Kefahaman 1 (MCQ) - 10 markah (5%)**

Bahagian ini mengandungi 5 soalan. Calon dikehendaki memilih jawapan yang tepat berdasarkan teks ekspositori yang diberikan.

▪ **Bahagian C: Frasa (FIB) - 8 markah (4%)**

Bahagian ini mengandungi 4 soalan berbentuk mengisi tempat kosong berdasarkan sebuah dialog. Calon dikehendaki memilih frasa yang tepat untuk mengisi tempat kosong berdasarkan dialog yang diberikan.

▪ **Bahagian D: Kefahaman 2 (MCQ, Respons bebas) - 32 markah (16%)**

Bahagian ini mengandungi 11 soalan berbentuk aneka pilihan dan respons bebas berdasarkan dua teks yang diberikan. Bagi teks pertama, calon dikehendaki menjawab empat soalan. Bagi teks kedua, calon dikehendaki menjawab 7 soalan berdasarkan satu teks naratif. Bagi soalan kosa kata, calon dikehendaki mengenal pasti perkataan dalam teks yang mempunyai maksud yang sama dengan frasa yang diberikan.

Kertas 3: Lisan dan Kefahaman Mendengar - 70 markah (35%)

45 minit

Kertas 3 mengandungi dua komponen.

▪ **Lisan - 50 markah (25%)**

Peperiksaan Lisan terdiri daripada dua bahagian. Masa yang diperuntukkan adalah lebih kurang 15 minit. Calon diberi masa persiapan selama 10 minit.

- Bahagian A: Bacaan Lantang – 20 markah (10%)
Calon dikehendaki membaca lantang petikan karangan yang dipaparkan pada skrin komputer.
- Bahagian B: Perbualan – 30 markah (15%)
Calon dikehendaki menonton klip video pendek (55-60 saat) dan melibatkan diri dalam perbualan dengan pemeriksa lisan.

▪ **Kefahaman Mendengar (MCQ) - 20 markah (10%)**

Bahagian ini mengandungi 10 soalan berbentuk aneka pilihan. Calon dikehendaki menjawab soalan berdasarkan 7 teks autentik pelbagai genre seperti rencana, iklan, pengumuman, cerpen dan lain-lain lagi. Terdapat 3-4 teks pendek (satu soalan bagi setiap teks pendek) yang antara pilihan jawapannya berbentuk grafik dan yang menguji keupayaan calon melengkapkan perbualan (*dialogue rejoinder*). Masa yang diperuntukkan adalah lebih kurang 30 minit.

Untuk keterangan lanjut, sila rujuk Jadual Pengkhususan yang disediakan.

3 JADUAL PENGKHUSUSAN

Kertas (Masa)	Komponen	Jenis Item	Jumlah Soalan (Jumlah soalan yang perlu dijawab)	Markah (Timbangan)	Penerangan
1 (50 minit)	KARANGAN	Respons bebas	2 (1)	40 (20%)	Calon dikehendaki menulis karangan yang panjangnya tidak kurang daripada 150 patah perkataan.
	1 Karangan Berdasarkan Topik				
	2 Karangan Berdasarkan Gambar				
	<i>Subtotal</i>		<i>2 (1)</i>	<i>40 (20%)</i>	
2 (1 jam 40 minit)	PENGUNAAN BAHASA DAN KEFAHAMAN				
BUKU A	<u>Bahagian A</u> Penggunaan Bahasa				
	▪ Imbuan	MCQ	10 (5)	20 (10%)	
	▪ Peribahasa	MCQ	5 (5)	10 (5%)	
	▪ Golongan Kata	MCQ	5 (5)	10 (5%)	
	<u>Bahagian B</u> Kefahaman 1	MCQ	5 (5)	10 (5%)	1 teks ekspositori
	<u>Bahagian C</u> Frasa	FIB	4 (4)	8 (4%)	1 teks dialog
BUKU B	<u>Bahagian D</u> Kefahaman 2	MCQ/ Respons bebas	11 (11)	32 (16%)	2 teks; 1 teks berdasarkan bahan autentik, sebagai contoh, iklan, brosur, poster, risalah, menu dan lain-lain lagi dan 1 teks naratif.
	<i>Subtotal</i>		<i>40 (40)</i>	<i>90 (45%)</i>	

Kertas (Masa)	Komponen	Jenis Item	Jumlah Soalan (Jumlah soalan yang perlu dijawab)	Markah (Timbangan)	Penerangan
3 (15 minit)	LISAN DAN KEFAHAMAN MENDENGAR <u>Lisan</u> <u>Bahagian A</u> Bacaan Lantang		1 (1)	20 (10%)	Calon dikehendaki membaca lantang petikan karangan yang dipaparkan pada skrin komputer.
	<u>Bahagian B</u> Perbualan berdasarkan rangsangan video		1 (1)	30 (15%)	Calon dikehendaki menonton klip video pendek (55-60 saat). Calon akan melibatkan diri dalam perbualan dengan pemeriksa lisan.
(Lebih kurang 30 minit)	<u>Kefahaman Mendengar</u>	MCQ	10 (10)	20 (10%)	7 teks autentik pelbagai genre seperti rencana, iklan, pengumuman, cerpen dan lain-lain lagi. 3-4 teks pendek (satu soalan bagi setiap teks pendek) yang antara pilihan jawapannya berbentuk grafik dan yang menguji keupayaan calon melengkapkan perbualan (<i>dialogue rejoinder</i>).
	<i>Subtotal</i>		12 (12)	70 (35%)	
	TOTAL		54 (53)	200 (100%)	

**SENARAI PERIBAHASA UNTUK PEPERIKSAAN BAHASA MELAYU
PERINGKAT SEKOLAH RENDAH**

Darjah 3 dan 4

SN	PERIBAHASA	MAKSUD
1.	ambil berat	memberikan perhatian
2.	anak angkat	anak yang diambil dan dijadikan sebagai anak sendiri
3.	anak emas	orang yang sangat disayangi
4.	bawa nasib	mencari penghidupan di tempat lain
5.	berat sebelah	tidak adil
6.	besar hati	bangga atau gembira
7.	buah tangan	barang yang dibawa sebagai hadiah
8.	buruk siku	mengambil semula sesuatu yang pernah diberikan kepada seseorang
9.	cakar ayam	tulisan yang buruk dan sukar dibaca
10.	campur tangan	melibatkan diri dalam hal orang lain
11.	cari jalan	berusaha untuk mencapai sesuatu perkara
12.	fasih lidah	lancar berbicara dan betul sebutannya
13.	hidung tinggi	sombong
14.	jalan tengah	tidak berat sebelah atau tidak memihak kepada sesiapa
15.	kaki ayam	tidak memakai alas kaki atau kasut
16.	kaki bangku	tidak pandai bermain bola
17.	kecil hati	tersinggung
18.	keras kepala	degil
19.	lepas tangan	tidak masuk campur dalam sesuatu hal
20.	lurus akal	jujur
21.	manis mulut	bercakap dengan lemah-lembut
22.	mati akal	tidak tahu apa yang hendak dilakukan
23.	muka tembok	tidak tahu malu
24.	murah hati	suka memberikan bantuan
25.	rendah hati	tidak sombong

**SENARAI PERIBAHASA UNTUK PEPERIKSAAN BAHASA MELAYU
PERINGKAT SEKOLAH RENDAH**

SN	PERIBAHASA	MAKSUD
26.	ringan mulut	peramah/mudah menyatakan pendapat
27.	ringan tulang	rajin bekerja
28.	tajam akal	cepat menerima pelajaran
29.	tanda mata	hadiah yang diberikan sebagai kenang-kenangan
30.	otak udang	bodoh

**SENARAI PERIBAHASA UNTUK PEPERIKSAAN BAHASA MELAYU
PERINGKAT SEKOLAH RENDAH**

Darjah 5 dan 6

SN	PERIBAHASA	MAKSUD
1.	air dicencang tiada putus	<ul style="list-style-type: none"> • perselisihan antara adik-beradik tidak akan berpanjangan • ikatan persaudaraan tidak boleh diputuskan
2.	bagai aur dengan tebing	saling membantu
3.	bagai dakwat dengan kertas	<ul style="list-style-type: none"> • sesuai benar • tidak boleh berpisah
4.	bagai isi dengan kuku	sangat rapat
5.	bagai menghitung bulu kambing	usaha yang sia-sia
6.	bagai tikus membaiki labu	orang yang cuba membaiki sesuatu yang tidak diketahuinya, akhirnya barang yang dibaiki itu bertambah rosak
7.	baik budi	berperangai mulia dan berniat baik
8.	banting tulang	bekerja keras dengan bermati-matian
9.	berani mati	tidak berasa takut walaupun akan menghadapi bahaya
10.	buang yang keruh, ambil yang jernih	berdamai dan melupakan pertelingkahan
11.	cubit paha kanan, paha kiri terasa juga	apabila seseorang teraniaya, kaum keluarganya akan terasa
12.	diam-diam ubi	tidak banyak bercakap tetapi berfikir/banyak pengetahuan
13.	hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih	kalau mahu, berusaha bersungguh-sungguh tetapi kalau tidak mahu, memberikan bermacam-macam alasan
14.	kata putus	<ul style="list-style-type: none"> • ketentuan terakhir • keputusan rundingan
15.	langkah seribu	melarikan diri dengan sekuat-kuat hati kerana ketakutan
16.	lapang dada	berasa senang atau mempunyai perasaan yang sabar
17.	makan suap	menerima rasuah
18.	panjang akal	bijaksana
19.	perah otak	berfikir atau belajar bersungguh-sungguh
20.	putih hati	ikhlas

**SENARAI PERIBAHASA UNTUK PEPERIKSAAN BAHASA MELAYU
PERINGKAT SEKOLAH RENDAH**

SN	PERIBAHASA	MAKSUD
21.	seperti anjing dengan kucing	selalu bergaduh
22.	seperti garam jatuh di air	cepat meresap atau segera mengerti nasihat atau pelajaran
23.	seperti kacang lupakan kulit	orang yang melupakan budi baik serta pertolongan orang lain apabila telah hidup senang
24.	seperti katak di bawah tempurung	orang yang cetek ilmu pengetahuannya kerana tidak terdedah dengan isu semasa di sekelilingnya
25.	seperti langit dengan bumi	sangat berbeza
26.	seperti lipas kudung	cepat dan cekap
27.	tahan hati	tabah
28.	tangan kosong	datang tidak membawa apa-apa
29.	tangan terbuka	menerima kedatangan seseorang dengan gembira atau sukacita
30.	tulang belakang	<ul style="list-style-type: none"> • sumber kekuatan • orang yang dianggap tempat berlindung dalam sesuatu kumpulan dan lain-lain